



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PELAJARAN (G.13)  
SEKOLAH SAINS KESIHATAN  
POLITEKNIK BRUNEI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PELAJARAN  
SEKOLAH SAINS KESIHATAN  
POLITEKNIK BRUNEI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
G.13 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Paramedik / Kejururawatan atau yang berkaitan dengan Sains Kesihatan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Mempunyai Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.

Bagi yang tidak mempunyai kelulusan dalam bidang Pendidikan adalah dikehendaki untuk menjalani latihan dalam bidang Pendidikan seperti kursus-kursus Diploma Pendidikan / *Post Graduate Diploma in Education* / *Master of Teaching* dan yang berhubung kait dengan Pendidikan dalam tempoh 3 tahun mulai dari tarikh dilantik ke jawatan ini.

3. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
4. Berkemahiran dalam bidang Paramedik / Kejururawatan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengajar dan melatih pelajar Diploma Tahap 5;
2. Mengajar, mengawas dan menilai pelajar semasa penempatan klinikal;
3. Membantu dalam penyelidikan dan perkembangan kurikulum;
4. Merancang dan menyelaras kegiatan tambahan untuk pelajar-pelajar;
5. Membantu mengendalikan kursus, bengkel, seminar atau kegiatan profesional dan kebajikan lain;



6. Menjadi Ketua Bahagian / Unit atau Pusat di Institusi jika bersesuaian; dan
7. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Sekolah atau Pegawai atasan dari semasa ke semasa.